

**Kepimpinan Najib Bawa Pelbagai Perubahan Kepada Rakyat
Bernama
1 Februari, 2013**

BERA, 1 Feb (Bernama) -- Rakyat perlu mengakui bahawa kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai perdana menteri telah membawa pelbagai perubahan untuk kesejahteraan rakyat, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Ismail Sabri yang juga anggota Parlimen Bera berkata sekali pun belum genap empat tahun memimpin negara, perdana menteri telah berjaya membawa pelbagai perubahan dan amat prihatin dengan setiap masalah rakyat.

"Kita yakin rakyat akan terus memberikan kepercayaan dan sokongan kepada perdana menteri bagi mengekalkan kerajaan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum ke-13 nanti," katanya ketika menyampaikan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada penduduk kawasan Parlimen Bera di Kompleks Rakan Muda, Kerayong, di sini Jumaat.

Beliau berkata BR1M misalnya, merupakan satu bentuk bantuan yang dicetuskan perdana menteri bagi membantu golongan berpendapatan rendah untuk mengurangkan kos dan bebanan tanggungan mereka.

"Selain BR1M, pelbagai bantuan telah diberikan seperti bantuan persekolahan, Perumahan Rakyat 1Malaysia, bantuan kepada pelajar pusat pengajian tinggi, Kedai Rakyat 1Malaysia, Klinik Rakyat 1Malaysia dan pelbagai lagi.

Beliau berkata rakyat berhak menaruh kepercayaan kepada kepimpinan perdana menteri untuk terus membawa negara mencapai wawasan negara maju menjelang tahun 2020.

Beliau berkata melalui pemikiran rasional, rakyat pastinya sedar bahawa ketika dunia sedang menghadapi keadaan ekonomi yang tidak menentu, kerajaan BN masih mampu untuk memberikan pelbagai bantuan dan dana kepada rakyat.

Beliau berkata walaupun kerajaan menanggung pelbagai subsidi berbilion ringgit termasuk subsidi minyak mencecah RM20 bilion bagi tahun ini, namun kerajaan masih mampu menyalurkan peruntukan dan bantuan kepada rakyat.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=925494>